

**ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG
BILANGAN 4 TAHUN 2015**

**PERATURAN DAN GARIS PANDUAN BAGI MENGADAKAN
LAWATAN KE LUAR NEGARA OLEH PERTUBUHAN PELADANG (PP)**

1. TUJUAN

Arahan Pendaftar ini dikeluarkan dengan tujuan:

- i. Memberi panduan kepada Pertubuhan Peladang (PP) berkaitan permohonan lawatan ke luar negara.
- ii. Menetapkan syarat dan kriteria untuk melaksanakan program lawatan ke luar negara.
- iii. Memastikan penggunaan sumber kewangan PP dirancang dan dibelanjakan secara berhemah.
- iv. Menetapkan bahawa semua lawatan rasmi yang melibatkan pembiayaan oleh PP perlu mendapat kelulusan Pendaftar atau Wakil Pendaftar.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Adalah didapati wujud kecenderungan dikalangan PP yang mencatatkan keuntungan merancang untuk mengadakan program lawatan sambil belajar ke luar Negara.
- 2.2 Pada lazimnya, penganjuran lawatan diatur secara berkumpulan yang melibatkan Ahli Jemaah Pengarah (AJP), Ketua Unit, anggota peladang dan pekerja termasuk anggota Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Jabatan Pertanian Sarawak.
- 2.3 Berdasarkan rekod Pejabat Pendaftar PP, permohonan bagi melaksanakan program lawatan ke luar negara oleh PP dalam tempoh lima (5) tahun (2010-2014) adalah seperti berikut;

Tahun	Permohonan PP	Peserta (Orang)	Perbelanjaan (RM)
2010	9	214	761,770
2011	27	555	1,273,930
2012	21	509	898,416
2013	38	809	1,693,960
2014	27	503	1,430,458
Jumlah	122	2,590	6,058,534

Pada dasarnya program lawatan di dalam atau luar negara dapat meningkatkan dan menarik penglibatan anggota dalam aktiviti PP dalam konteks pemajuan sosial, ekonomi dan pembangunan institusi peladang adalah digalakkan. Penganjuran program lawatan dan seumpamanya perlu dikaji dan diperhalusi bagi mengelak wujudnya konflik kepentingan serta unsur-unsur yang tidak sihat dalam pergerakan PP terutama semasa tahun pemilihan AJP PP. Perbelanjaan program hendaklah diuruskan dengan teliti, cekap dan berkesan dengan mengutamakan prinsip nilai atas wang.

3. PUNCA KUASA

Punca kuasa Pendaftar mengadakan panduan ini adalah di bawah;

- i. Seksyen 6(1)(a) Akta Pertubuhan Peladang 1973 : Tujuan-Tujuan PP
- ii. Peraturan 85 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983: Pendaftar Boleh Mengeluarkan Arahan Dalam Melaksanakan Peruntukan-Peruntukan Akta dan Peraturan Pertubuhan Peladang 1983.

4. TAFSIRAN

- 4.1 "Anggota" bermaksud ahli PP sama ada di peringkat Kawasan, Negeri atau Kebangsaan.
- 4.2 "Anggota LPP, KADA, MADA dan Jabatan Pertanian Sarawak" bermaksud penjawat awam yang dilantik dan berkhidmat dengan LPP, KADA, MADA dan Jabatan Pertanian Sarawak dan samada dipinjamkan atau ditempatkan ke PP untuk tempoh masa tertentu dengan kelulusan LPP, KADA, MADA dan Jabatan Pertanian Sarawak.

- 4.3 “Jemaah Pengarah” bermaksud Ahli Jemaah Pengarah (AJP) yang dipilih atau dilantik mengikut perlembagaan untuk mengurus hal ehwal PP.
- 4.4 “Luar Negara” bermaksud lokasi atau tempat yang hendak dilawati/dikunjungi terletak di luar garisan sempadan Malaysia sepertimana digazetkan oleh Kerajaan Malaysia.
- 4.5 “LPP” bermaksud Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 110).
- 4.6 “KADA” bermaksud Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 (Akta 69).
- 4.7 “MADA” bermaksud Lembaga Kemajuan Pertanian Muda yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972 (Akta 70).
- 4.8 “Lawatan Rasmi” bermaksud:
- i. Lawatan Sambil Belajar - Program lawatan ke suatu lokasi tertentu untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, pemahaman dan pengalaman berkaitan dengan pemajuan ekonomi dan aktiviti sosial PP yang dibiayai oleh PP atau lain-lain pihak.
 - ii. Lawatan Kerja – Urusan perjalanan atau lawatan rasmi/formal PP. Dalam konteks ini ianya termasuk menghadiri mesyuarat, rundingan pepadanan perniagaan, usahasama strategik, persidangan, simposium, ekspo antarabangsa sektor pertanian/industri asas tani, seminar, bengkel dan lawatan inovasi

(bidang pertanian, koperasi, keusahawanan, perniagaan, pengurusan, operasi dan pentadbiran) yang dibiayai oleh PP, LPP atau pihak yang menganjurkannya.

- 4.9 "Lawatan Persendirian" bermaksud lawatan keluar negara secara peribadi dengan pembiayaan sendiri. Contohnya seperti melancong, menunaikan haji/umrah, lawatan muhibbah dan rekreasi.
- 4.10 "PP" bermaksud Pertubuhan Peladang sama ada di peringkat Kawasan, Negeri atau Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- 4.11 "Pendaftar" bermaksud Pendaftar PP di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- 4.12 "Wakil Pendaftar" bermaksud perwakilan kuasa Pendaftar PP di bawah Seksyen 7 (3) Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- 4.13 "Pengerusi" bermaksud Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PP yang dilantik oleh AJP.
- 4.14 "Pekerja" bermaksud seseorang yang telah dilantik untuk bekerja di PP sama ada berjawatan tetap, sementara, kontrak atau sambilan dengan dibayar gaji oleh PP mengikut skim perkhidmatan yang ditetapkan. Dalam konteks ini ianya termasuk anggota LPP KADA, MADA dan Jabatan Pertanian Sarawak yang dipinjamkan atau ditempatkan untuk berkhidmat di PP.
- 4.15 "Pengurusan PP" bermaksud pekerja yang terlibat dalam pengurusan dan pentadbiran PP.

- 4.16 "Peserta" bermaksud individu-individu yang dipilih oleh mesyuarat AJP PP bagi mengikuti program lawatan yang dianjurkan.
- 4.17 "Pegawai pengiring" bermaksud pekerja yang dilantik dalam mesyuarat AJP untuk turut serta dan ditugaskan menguruskan aturcara/program lawatan yang hendak dilaksanakan.
- 4.18 "Kumpulan Wang Pendidikan" bermaksud dana yang diwujudkan di bawah Perkara 68(ii)(h) Perlembagaan PP yang bertujuan memberi bantuan, galakan atau anugerah kepada anggota dan keluarga anggota mengikut skop-skop yang telah ditetapkan.

5. GARIS PANDUAN DAN SYARAT-SYARAT

- 5.1 Program lawatan rasmi yang dianjurkan oleh PP hendaklah berdasarkan kepada keperluan, kemampuan kewangan dan dapat memberi manfaat kepada peserta untuk pemajuan pekerja, anggota dan PP.
- 5.2 Program lawatan rasmi boleh diadakan oleh PP sekiranya memenuhi syarat dan kriteria berikut;
- i. Keutamaan kepada PP memperolehi keuntungan dua (2) tahun berturut-turut dan tiada komitmen kewangan yang boleh menjejaskan pengurusan dan operasi PP.
 - ii. Pembiayaan program lawatan melalui kombinasi peruntukan yang diluluskan oleh mesyuarat AJP dan Mesyuarat Agung Tahunan PP iaitu:

- a. Kumpulan wang Pendidikan PP dengan penggunaannya tidak lebih daripada 60% dari peruntukan tahun semasa bagi anggota dan pekerja PP.
 - b. Belanja Pentadbiran di bawah skop latihan/kursus dan lawatan dalam Pelan Belanjawan dan Rancangan Perkhidmatan PP tahun semasa.
 - c. Sumbangan daripada sumber-sumber lain yang tidak menyalahi undang-undang.
- iii. Program lawatan dianjurkan hendaklah memberi manfaat dan impak kepada pekerja, anggota dan PP dalam bidang-bidang berikut:
- a. Pertanian dan Industri Asas Tani
 - b. Perniagaan
 - c. Keusahawanan
 - d. Pengurusan dan Pentadbiran
 - e. Pergerakan Organisasi/Koperasi/Institusi Perniagaan
- iv. Lawatan dianjurkan hendaklah melibatkan:
- a. Anggota PP (AJP, Ketua Unit, Usahawan dan Anggota Biasa)
 - b. Pekerja Lantikan PP
 - c. Anggota LPP, MADA, KADA dan Jabatan Pertanian Sarawak yang ditempatkan/dipinjamkan kepada PP
 - d. Lain-lain peserta yang dipersetujui oleh Mesyuarat AJP selain daripada peserta (a, b dan c di atas).

- 5.3 Peruntukan bagi program lawatan hendaklah disediakan oleh PP dan dimasukkan dalam Pelan Belanjawan dan Rancangan Perkhidmatan Tahunan serta dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan PP untuk kelulusan.
- 5.4 Kertas kerja cadangan program lawatan rasmi hendaklah disediakan oleh PP dan dibentang dalam mesyuarat AJP untuk diperaku bagi Kelulusan Pendaftar/Wakil Pendaftar. Kertas kerja mengandungi perkara berikut:
- i. Tujuan Lawatan
 - ii. Peserta terlibat
 - iii. Jenis Lawatan - Lawatan Kerja atau Lawatan Sambil Belajar;
 - iv. Tempat dan tempoh lawatan
 - v. Aturcara lawatan
 - vi. Perincian maklumat perbelanjaan dan sumber pembiayaan
 - vii. Faedah dan impak terhadap lawatan diharapkan
- 5.5 Dokumen-dokumen diperlukan dalam permohonan kepada Pendaftar atau Wakil Pendaftar adalah:
- i. Kertas kerja permohonan Lawatan Sambil Belajar/Lawatan Kerja
 - ii. Cabutan minit mesyuarat AJP PP
 - iii. Cabutan Pelan Belanjawan dan Rancangan Perkhidmatan Tahunan PP yang meluluskan peruntukan untuk lawatan yang telah disahkan oleh Pengerusi dan dua (2) orang Jemaah Pengarah PP
 - iv. Laporan kewangan PP bagi tiga (3) bulan terakhir
 - v. Sekurang-kurangnya tiga (3) sebut harga daripada agensi pelancongan.


- 5.6 Kertas cadangan program yang diperaku beserta dokumen-dokumen diperlukan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Pendaftar melalui Wakil Pendaftar (Pengarah LPP Negeri) untuk ulasan dan perakuan sebelum ianya dipanjangkan kepada Pejabat Pendaftar selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh lawatan diadakan untuk pertimbangan kelulusan Pendaftar. Manakala PP di bawah kawal selia KADA, MADA atau Jabatan Pertanian Sarawak permohonan hendaklah dikemukakan terus kepada Wakil Pendaftar PP berkenaan selewat-lewatnya 14 hari untuk pertimbangan kelulusan.
- 5.7 Anggota LPP yang ditawarkan untuk menyertai lawatan tersebut hendaklah mematuhi Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2000 mengenai Panduan Lawatan Keluar Negeri dengan melengkapkan borang-borang berkaitan. Manakala anggota KADA, MADA dan Jabatan Pertanian Sarawak yang mengikuti lawatan keluar negara tajaan PP hendaklah mematuhi peraturan dan arahan yang ditetapkan oleh Jabatan dan Menteri masing-masing.
- 5.8 Program lawatan luar negara tajaan PP dibenarkan sekali sahaja dalam setahun untuk setiap peserta.
- 5.9 Laporan bergambar hasil lawatan berhubung penemuan, pengalaman dan pembelajaran yang diperolehi serta cadangan adaptasi di PP hendaklah dimuatkan dalam kertas laporan Jemaah Pengarah yang dibentangkan dalam Mesyuarat Agung PP.

6. PEMAKAIAN

- 6.1 Arahan ini hendaklah dipatuhi oleh semua PP.
- 6.2 Anggota LPP adalah tertakluk kepada arahan ini dengan mengambilkira arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan antaranya:
- i. Pekeliling Ketua Pengarah Bilangan 6 Tahun 1989 – Pemberian Insentif/Cenderamata/Hadiah daripada Pihak Swasta Kepada Kakitangan LPP.
 - ii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 – Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di dalam Perkhidmatan Awam.
 - iii. Pekeliling Ketua Pengarah LPP Bilangan 4 Tahun 2000 – Panduan Lawatan Keluar Negeri.
- 6.3 Anggota KADA, MADA dan Jabatan Pertanian Sarawak yang mengikuti lawatan keluar negara tajaan PP hendaklah mematuhi peraturan dan arahan yang ditetapkan oleh Jabatan dan Menteri masing-masing.
- 6.4 Pendaftar boleh mengenakan syarat-syarat tambahan dan memberi pengecualian bertulis dalam melaksanakan arahan ini mengikut keperluan semasa.

7. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada23.... haribulan **Februari** tahun **Dua Ribu Lima Belas**.


(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)
Pendaftar
Pertubuhan Peladang